


SALIRIBU SATU

MAILAM

(ARABIAN NIGHT)



١٤٣٥

Manson Samusi



Sa-ribu Satu Malam

Di-susun oleh :

Mansoor Sanusi

楊貴雄珍藏
Koleksi Yang Quan Ter

Di-keluarkan oleh :

SINARAN BROS.

676, Bayan Lepas, Penang.

KATA PENGANTAR

Bahawa ada-lah kandungan buku ini di-kutip dari cerita2 *Sa-ribu Satu Malam*. Maka isi-nya sengaja diringkas dan ayat2-nya juga di-mudahkan.

Buku kecil ini di-harap akan dapat menjadi buku tambahan bacaan kepada pelajar2 Bahasa Kebangsaan.

Insha Allah, kita akan berikhtiar bagi menerbit lagi cerita2 yang semacam ini bersambong2 dari sa-penggal ka-sapenggal.

Pulau Pinang,
15th, October 1956

Penyusun,
Mansor Sanusi

CHERITA I.
ALI BABA DENGAN 40 ORANG PENYAMUN

Pada zaman dahulu ada sa-orang miskin diam di-negeri Parsi bernama Ali Baba. Si-miskin ini kerja-nya menchari kayu api di-hutan rimba, lalu di-bawa jual di-pekan. Demikianlah kehidupan-nya sa-hari2.

Pada suatu hari sedang Ali Baba mengumpul kayu2-nya di-dalam hutan itu, maka ternampak-lah oleh-nya ada beberapa orang penunggang kuda sedang berlari menuju kapada-nya. Dengan ketakutan yang amat sangat ia pun segera lari menyembunyikan diri-nya di-atas sa-pohon kayu besar. Fikir-nya tentu-lah penunggang2 kuda itu suatu kumpulan penyamun.

Sa-telah penunggang2 itu datang berhampiran dengan tempat Ali Baba bersembunyi, maka sakalian-nya pun turun-lah dari atas kuda mereka; kemudian datang-lah sa-orang ketua mereka hampir kapada sa-buah batu besar lalu ia berseru, "Buka Sesame" manakala habis sabaja perkataannya tiba2 batu itu bergerak terbuka sa-perti pintu, maka sakalian penunggang2 itu pun masok-lah ka-dalam gua itu sa-orang lepas sa-orang, sa-hingga genap empat puloh orang semua-nya. Apabila semua penunggang2 itu telah masok ka-dalam-nya, maka pintu itu pun tertutup sa-mula.

Ali Baba sangat terperanjat melihat hal itu. Ia pun berasa takut hendak turan dari tempat sembunyi-nya, kalau2 di-lihat oleh mereka tentu-lah ia di-bunoh-nya. Oleh sebab itu tinggal-lah ia beberapa lama-nya di-atas pokok itu.



Sa-telah hari hampir petang, baharu-lah pintu gua itu terbuka sa-mula dan sakalian penunggang² kuda itu pun keluar berbuntut² tiap² sa-orang memikul sa-buah unchang di-belakang-nya. Manakala semua mereka telah keluar, maka pintu itu pun tertutup sa-mula dan sakalian penunggang² itu pun memuatkan unchang² mereka di-kuda masing² lalu menunggang kuda mereka.

"Apa-kah garangan benda-nya di-dalam unchang mereka itu" Fikir Ali Baba, lalu segera-lah ia turun dari atas pokok-nya terus pergi kepada pintu gua itu seraya ber-seru, "Buka Sesame" maka pintu itu pun terbuka-lah manakala habis sahaja perkataan-nya. Sa-telah itu Ali Baba pun melangkah-lah masuk ka-dalam gua itu. Wah! terchengang Ali Baba melihat diri-nya berada di-dalam gua yang penuh berisi dengan harta² yang terlalu 'ajaib berpuloh² buah karong yang berisi dengan wang² emas dan perak ber-timbun² pula mutiara dan batu² permata di-lantai-nya. Maka Ali Baba pun segera-lah mengisi sa-berapa banyak harta² itu ka-dalam karong² sa-kadar yang dapat ia membawa pulang ka-rumah-nya.

Apabila isteri Ali Baba melihat harta² kaharun yang di-bawa balik oleh suami-nya itu, ia pun mulai-lah mengira segala wang² emas dan perak itu satu lepas satu. Bila lah kamu mengira wang ini satu persatu, kerana ia terlalu banyak; pergi-lah engkau meminjamkan gantang di-rumah saudara-ku; Kasim supaya dapat kita sukatkan berapa banyak semua-nya.

Maka isteri Ali Baba pun pergi-lah meminta' pinjam gantang di-rumah Kasim, manakala di-dengar oleh Kasim saudara-nya hendak meminjam gantang-nya, fikir-nya, "Apa-kah yang hendak di-sukat oleh saudara-ku itu? Pada hal aku tahu betul² ia terlalu miskin. "Agak-nya harus ia telah mendapat harta gaharun." Oleh sebab itu Kasim pun

menchalit sa-dikit gam (perekat) di-buntut gantang itu, lalu di-beri-nya kapada isteri Ali Baba.

Sa-telah Ali 'Baba setesai menyukat wang-nya, maka isteri-nya pun pergi-lah pulangkan balek gantang itu kapada Kasim; apabila di-lihat oleh Kasim di-buntut gantang-nya itu ada terlekat sa-keping wang emas, pada gam-nya, kata-nya, "Oh! rupa-nya saudara-ku ini telah berjumpa dengan wang emas, lalu segera-lah ia belari pergi ka-rumah saudara-nya. Ali Baba meminta' ia mencheritakan bagaimana ia telah dapat berjumpa dengan harta gaharun itu kapada-nya.

Pada esok-nya pagi2 lagi Kasim pun segera-lah pergi ka-gua itu lalu berseru, "Buka sesame! yaitu perkataan yang ia telah pelajari kapada saudara-nya Ali Baba. Bila habis sahaja seruan-nya maka pintu gua itu pun terbuka-lah dan Kasim pun segera-lah berlari masok ka-dalam-nya. Manakala di-lihat-nya gua itu penuh berisi dengan harta yang bertimbun2 lagi mahal2 harga-nya belaka, maka timbul-lah tamak-nya hendak mengambil semua harta2 itu menjadi milek-nya; oleh itu ia leka mengisi sekalian harta2 itu ka-dalam karong2-nya satu lepas satu hingga beberapa lamanya. Dalam masa ia sedang sebok mengisi harta2 itu, maka penyamun itu pun balek-nya ka-gua mereka lalu terus masok ka-dalam-nya. Sa-telah di-lihat-nya Kasim sedang menchuri harta2 mereka maka segera-lah di-tangkap-nya akan dia dan di-kerat kepala-nya.

Pada esok-nya pula apabila Ali Baba mendengar isteri Kasim mencheritakan saudara-nya tidak lagi balek dari gua itu, maka segera-lah ia pergi ka-gua itu, sa-telah ia masok ka-dalam-nya di-lihat-nya mayat saudara-nya Kasim terguling di-dalam gua; maka sangat-lah takut-nya lalu ia-pun mengambil harta2 itu dengan seberapa chepat dan membawa mayat saudara-nya pulang ka-rumah-nya.

Bila hari petang maka datang-lah pula penyamun itu

ka-gua mereka, di-lihat-nya banyak lagi harta mereka telah di-churi oleh orang lalu ketua mereka pun berkata, "Ada orang telah datang ka-sini dan mencuri harta kita ini, kita misti-lah cari orang yang tahu rahsia kita ini dan kita bunuh dia. Pergi-lah kamu mengintip pada tiap2 orang di-kampung2 dan jangan-lah kamu berhenti sa-hingga kamu telah dapat berjumpa dengan si-penchuri itu."

Maka sakalian penyamun itu pun pergi-lah menyamar diri mereka ka-seluruh negeri itu mengintip rahsia penchuri harta mereka. Akhir-nya mereka telah mendapat tahu ada sa-orang miskin bernama Ali Baba, telah menjadi kaya dengan tiba2 sahaja. Lalu pulang-lah mereka memberi tahu kepada ketua mereka. "Ya, dia-lah agak-nya penchuri harta kita ini," kata ketua penyamun itu. Sekarang pergi-lah kamu sakalian ka-kampung2 yang berhampiran dengan rumah-nya dan beli-lah empat puluh ekor kalde dengan empat puluh buah tempayan2 besar yang di-buat daripada kulit: sa-buah daripada-nya hendak-lah kamu isikan dengan minyak dan yang lain biar-lah kosong sahaja.

Sa-telah penyamun2 itu membuat seperti perintah- penghulu mereka, maka penghulu penyamun itu pun ber- jalan-lah menuju ka-rumah Ali Baba, bersama2 dengan kalde2 yang bermuat tempayan2 besar berisi dengan penya- mun2 dan minyak itu. Manakala sampai angkatan itu di-halaman rumah Ali Baba maka segala tempayan2 itu di-tem- patkan di-situ, dan penghulu mereka pun herpesan kepada sakalian orang2-nya supaya bersembunyi di-dalam tempayan itu, sa-hingga ia memberi isharat menyuruh keluar dari dalam- nya. Kemudian penghulu mereka itu pun pergi-lah ka- rumah Ali Baba menyamar diri-nya sa-bagai sa-orang saudagar minyak yang sedang menuju ka-pasar untuk men- jual tempayan2 minyak-nya.

Ali Baba dengan hormat-nya telah mempersilakan ia bermalam di-rumah-nya. Pada masa itu Marjina yang



menjadi hamba Ali Baba sedang sebek memasang lampu2 di-rumah-nya. Bila ia dapati minyak telah tidak ada lagi untok beberapa buah pelita yang belum berpasang, maka turun-lah ia ka-halaman rumah-nya untok mengambil minyak dari dalam tempayan saudagar itu.

Apabila di-buka-nya tudong tempayan itu, maka ter-peranjat besar-lah ia kerana di-lihat-nya di-dalam tempayan itu bukan-nya berisi minyak tetapi berisi dengan orang. Penyamun yang di-dalam tempayan ini pula berfikir tentu-lah penghulu-nya yang datang membuka tempayan-nya, lalu ia pun berkata, "Sudah-kah sampai masa-nya?" Tidak, belum lagi," Jawab Marjina. Maka Marjina pun ketahui-lah yang saudagar minyak itu telah meranchangkan suatu masalah bagi membinasakan tuan-nya.

Kemudian pergi-lah pula ia kapada tempayan yang kedua maka di-dapati-nya betul berisi dengan minyak lalu di-ambil-nya minyak itu di-isikan di-dalam cherék-nya lalu di-bawa ka-dapur dan di-masak-nya. Sa-telah minyak itu mendecdeh, maka pergi-lah ia menuang minyak itu pada tiap2 sa-buah tempayan itu sa-hingga habis sakalian penyamun2 itu mati kerekut di-dalam-nya.

Sa-telah saudagar itu di-jamu makan dan minum oleh tuan-nya maka berkata-lah ia kapada Marjina, "Sekarang bersiap-lah kamu untok menunjukkan tarian-mu yang meracak hati kapada tetamu kita ini." Fikir Marjina "Ini-lah masa-nya aku dapat selamatkan nyama tuan-ku ini," Lalu ia pun masok ka-bilek-nya bersiap. Pada malam ini Marjina memakai pakaian yang chantek2 lalu di-selip-nya sa-buah jembia di-dalam baju dalam-nya; dan ia pun keluar-lah menari di-hadapan tuan-nya. Sedang Marjina menari ini dan penghulu penyamun itu sedang asik memerhati tarian-nya, tiba2 Marjina menchabut jembia-nya lalu menikam ka-dada saudagar itu hingga mati.



Maka bertempek-lah tuan-nya dengan marah kata-nya, "Hai Marjina mengapa-kah kamu membuat kerja ini kepada tetamu-ku? Bukan-kah memalukan aku sahaja?" Maka jawab Marjina, "Hamba telah menyelamatkan nyawa tuan-ku daripada pengkhianat ini, lalu di-cheritakan-nya segala2 hal yang telah berlaku. Sa-telah Ali Baba mendengar-nya cerita Marjina itu maka tersangat-lah suka hati-nya mendapat hamba yang taad setia lagi bijaksana yang telah menyelamatkan nyawa-nya, daripada bahaya penyamun itu. Maka ia pun menguchap berbanyak2 terima kaseh dan memerdekakan Marjina daripada menjadi hamba-nya, serta di-kahwinkan dengan anak-nya. Maka dari semenjak itu sakalian harta-nya di-berikan kepada mereka berdua dan kehidupan Ali Baba anak beranak pun senang-linang. Segala harta yang di-gua penyamun itu ada-lah menjadi milik-nya; tidak ada sesiapa lagi yang akan mengganggu-nya. Demikian-lah hidup-nya Ali Baba anak beranak ada-nya.

PELAYARAN SINDBAD.

Pada zaman dahulu ada sa-orang muda diam di-negeri Baghdad, ia baharu sahaja menerima harta pusaka yang banyak sa-telah bapa-nya meninggal dunia. Maka sakalian harta2 itu telah di-belanjakan-nya hampir2 akan habis, Pada suatu hari timbul-lah suatu fikiran di-hati Sindbad untok menchari wang bagi menggantikan harta2 pusaka yang telah di-habiskan-nya itu. Oleh itu di-beli-nya sa-buah kapal dan di-lengkapi-nya penuh dengan dagangan2 lalu belayar-lah ia dengan harapan supaya ia dapat berniaga segala dagangan2 itu di-negeri2 lain.

Pada suatu hari ketika kapal-nya sedang belayar di-tengah2 lautan besar, tiba2 angin pun mati, jadi kapal itu tidak-lah dapat belayar lagi hanya berhanyut menantikan angin. Dalam masa itu ternampak-lah oleh Sindbad saperti sa-buah beting timbul di-tengah2 lautan itu, maka hairan-lah ia lalu ia berkata kepada kelasi2-nya, "Mari-lah kita turun ka-sampan pergi memeriksa apa-kah gerangan-nya benda yang saperti beting itu?"

Sindbad telah naik dalam sa-buah perahu dengan beberapa orang kelasi-nya menuju kapada beting itu. Sa-telah mereka sampai ka-situ, baharu-lah mereka tahu yang mercka telah mendarat di-belakang sa-ekor naga. Manakala naga itu menenggelamkan diri-nya sambil memukul2 ekor-nya, maka sakalian anak2 perahu itu habis-lah bertabiran jatuh ka-dalam laut dan perahu mereka pun terbalek.

Sa-tengah daripada kelasi2 itu telah dapat menaiki sa-mula perahu mereka dan telah selamat sampai ka-kapal, tetapi Sindbad hanya dapat bergantung kapada sa-keping



papan timbul tenggelam di-dalam lautan itu. Beberapa lama-nya ia terapong2 di-lautan itu di-bawa oleh arus, maka pada suatu masa ia telah terdampar di-pantai sa-buah negeri. Maka apabila ia sedar akan diri-nya lalu merangkak-lah ia ka-darat. Kemudian pengsan sa-mula. Nasib baik ia telah di-jumpa oleh penduduk2 di-negeri itu, di-pe-lihara-nya dan di-bawa menghadap kapada Sultan Negeri itu.

Sa-telah Sindbad di-bawa kahadapan Sultan maka ia pun mencheritakan-lah segala hal ahwal yang telah berlaku kapada diri-nya. Apabila Sultan mendengar cherita Sindbad yang sangat pelek itu ia pun sangat-lah suka-nya lalu memberi kebenaran Sindbad bebas tinggal diam di-negeri-nya selagi ia suka. Sindbad sangat suka menerima anugrah baginda, lalu tinggal-lah ia di-situ beberapa lama-nya. Beberapa lama-nya Sindbad diam di-negeri itu, suatu hari teringat-lah ia hendak belayar kembali ka-tanah aycr-nya sa-mula; oleh itu pada tiap2 hari sentiasa-lah ia berulang alik ka-pelabohan kapal bagi melihat kalau2 ada kapal yang datang dari negeri-nya.

Akhir-nya pada suatu hari ia telah pergi melihat kapal di-pelabohan, lalu ternampak-lah ia kapal-nya yang di-beli-nya dahulu sedang belayar masuk. Maka dengan gembiranya ia pun berlari ka-pantai menunggu kapal itu berlaboh. Sa-telah kapal itu telah berlaboh segera-lah ia pergi naik kapal itu di-lihat-nya betul-lah kapal-nya dahulu maseh penuh berisi dagangan2 yang di-muat-nya dahulu; lalu ia pun segera-lah pergi berjumpa dengan kapitan-nya kapal itu memperkenalkan diri-nya.

"Ah! mana boleh jadi engkau ini Sindbad!" Kata kapitan itu dengan menggiat2 kapada-nya. "Aku sendiri telah menyaksi dengan mata-ku bahawa Sindbad telah tenggelam di-laut dan harus di-makan oleh naga." Sa-telah Sindbad mencheritakan segala hal yang telah berlaku di-atas diri-nya dan juga ia telah memberi keterangan2 yang jelas

apa2 yang terjadi, maka baharu-lah kapitan kapal itu per-
chaya kapada-nya. Sindbad pun mengambil-lah barang2
dagangan-nya yang mahal lagi iada di-persembahkan
kapada Sultan, dan barang2 yang di-jual-nya dengan men-
dapat keuntongan yang besar.

Sa-telah habis ia berjual beli menukar barang2
dagangan-nya, ia pun bermohon-lah kapada Sultan dan
menguchap terima kaseh kapada sakalian rakan2 sahabat-
nya, lalu belayar pulang ka-negeri-nya, dengan membawa
kekayaan yang banyak sa-hingga ia terkenal sa-bagai sa-
orang kaya di-negeri-nya.

SINDBAD BERJUMPA BURONG GERUDA

Sindbad telah menetapkan fikiran-nya tidak mahu lagi
keluar mengambara ka-negeri lain. Tetapi tidak berapa
lama ia diam di-rumah-nya itu, maka telah merunsingkan
pula fikiran-nya supaya keluar belayar lagi sekali. Oleh
itu ia pun mulai-lah membeli barang2 dagangan lalu di-
muat-nya di-sebuah kapal penuh dan belayar-lah ia meninggal
negeri Baghdad.

Pada suatu hari ia dan beberapa orang kelasi2 di-kapal-
nya telah mendarat di-sabuah pulau untok mengambil ayer
dan kayu api serta melihat keindahan di-pulau itu. Masa
kelasi2 kapal itu sedang mengambil ayer dan kayu, Sindbad
telah berjalan2 melihat keindahan di-pulau itu; dan telah
singgah bertedoh di-bawah sa-pohon kayu besar lalu ia
telah terlina di-bawah pokok itu beberapa lama-nya.

Manakala Sindbad telah terjaga dari tidor-nya di-lihat-
nya kapal-nya telah jauh belayar meninggalkan dia. Jadi
tinggal dia sa-orang diri di-pulau yang lengang itu Sindbad
telah menyesal dan menyalahkan diri-nya yang telah tidor
nyenyak di-bawah pohon itu; tetapi apa-kah daya-nya ia
hendak buat lagi kerana perkara itu sudah berlaku, lalu ia



pan pergi-'ah menanjat sa-pohon kayu untok melihat kaadaan pulau itu dengan jelas-nya.

Dalam tinjauan Sindbad itu ia telah nampak suatu benda putih seperti bukit jauh di-hadapan-nya. Maka sangat-lah hairan Sindbad memikirkan apa-kah gerangan-nya benda itu, lalu segera-lah ia turun dari atas pokok itu berlari pergi memeriksa benda itu dari dekat supaya jelas dan terang kapada-nya.

Tatkala sampai di-lihat-nya suatu benda yang tersangat besar lagi lembut dan bulat seperti kubah. Maka makin-lah bertambah2 hairan Sindbad memikirkan-nya. Sakonyong-konyong matahari menjadi redup bertukar seperti hendak malam dan kedengaran bunyi menderu suara bagai hendak menyerakup kepala Sindbad, lalu ia pun menengadah ka-langit memerhati apa-kah garangan benda-nya yang berbunyi demikian.

Di-lihat-nya sa-ekor burung yang amat besar sedang terbang menuju kapada-nya, sahingga terlindung cahaya matahari nampak seperti malam. "Ini-lah agak-nya burung geruda yang di-cherita oleh pengambara2 zaman dahulu." Fikir Sindbad sambil ia melarikan diri-nya bersembunyi di-bawah telur burung itu. Sementara ia menanti burung itu hingga, ia telah berfikir menchari jalan supaya ia dapat melepaskan diri-nya dari pulau itu.

Sa-telah burung garuda itu hinggap mengeram telur-nya. Maka Sindbad pun mulai-lah mengikat badan-nya di-kaki burung itu dengan kuat-nya dan dudok-lah ia menunggu sahingga siang baharu-lah agak-nya burung itu akan terbang sa-mula. Samalam-malaman itu tidak-lah dapat Sindbad lelap kerana takut kapada burung itu. Pada pagi2 esok-nya burung itu pun terbang-lah dengan membawa Sindbad bersama2 terikat di-kaki-nya.

Oleh sebab burung itu terbang melayang terlalu tinggi serta dengan sambar menyambar-nya maka Sindbad pun mabok lalu pengsan tidak sedarkan diri-nya lagi. Beberapa lama lepas itu baharu-lah ia sadar diri-nya di-dapati ia tidak lagi di-udara bahkan terletak di-muka bumi. Ia pun segera-lah membuka ikatan di-kaki burung itu lalu merangkak bersembunyi-kan diri-nya di-balek sa-buah batu besar. Di-lihat-nya burung itu telah mematok sa-ekor ular besar lalu di-bawa-nya terbang.

Sindbad tidak ketahui di-mana-kah ia terletak, hanya di-pandang ka-kiri dan ka-kanan chuma di-lihat-nya di-lengkongi oleh gunung2 yang tinggi kemunchak-nya hingga macham menchechah langit laku-nya. Tetapi manakala ia memandang di-tanah2 yang berkeliling dengan tempat-nya maka di-lihat-nya bersinar2 batu2 permata besar kecil bertaboran di-muka bumi itu, jadi dengan perasaan yang penuh bergumbira ia-pun telah lupa segala kesusahan yang di-hadapi-nya; hanya ia leka dengan melihat kekayaan yang bertaboran di-keliling-nya itu.

Dalam masa ia sedang khial dengan batu2 permata itu maka keluar-lah beberapa ekor ular yang besar2 sahingga kalau sa-ekor gajah pun senang sahaja ular2 itu menclannya. Ular2 itu berjalan menjalar ka-sana ka-mari dengan bengis dan garang sambil berbunyi2. Wah! apa-tah lagi Sindbad pun puchat ketakutan dan menycsal-lah ia meninggalkan pulau-nya yang aman itu.

Maka berjalan-lah ia menchari tempat perlindungan-nya lalu bertemu-lah ia dengan sa-buah gua batu, maka masok-lah ia di-dalam gua itu dan pintu gua itu di-tutup-nya dengan batu2 besar. Pada malam ini tidak-lah ia dapat tidor kerana tidak dapat memejamkan mata-nya manakala mendengar suara2 ular itu di-luar gua-nya.

Apabila hari telah siang maka sakalian ular2 itu pun telah masok ka-lubang masing2 dan tidak-lah lagi Sindbad

mendengar suara-nya lagi di-luar, lalu ia pun mengintai dari chelah2 batu pintu gua itu di-lihat-nya ular2 itu telah tidak ada lagi; ia pun segera-lah keluar berjalan memungut batu2 permata yang bertaboran. itu di-isikan-nya di-dalam saku-nya. Sa-konyong2 terdengar-lah ia bunyi suatu benda besar terjatoh di-tepi-nya, maka terperanjat-lah ia sambil memerhati kapada benda itu; di-lihat-nya sa-keping daging yang besar maseh mentah lagi, kemudian jatuh lagi beberapa keping pula. Pada tiap2 daging itu terlekat-lah beberapa biji batu2 permata itu terbenam di-dalam-nya.

Sindbad pun ketahui-lah mengapa daging2 itu di-jatohkan, fikir-nya tentu orang2 yang diam di-kemunchak gunung itu telah menjatohkan daging2 itu dengan berbarap supaya batu2 permata yang ada di-gaoung (wang) itu akan melekat di-daging itu. Daging2 itu akan di-sambar oleh burung2 yang besar2 di-bawa-nya di-atas gunung untok di-makan-nya. Maka pada masa burung2 itu sedang memakan daging2 itu datang-lah orang2 di-gunong itu beramai dengan gong gundang dan tempek sorak bagi menakutkan burung2 itu supaya lari tinggal daging-nya. Sa-telah itu mereka pun memungut-lah batu2 permata yang terlekat di-daging itu.

Pada fikiran Sindbad "Ini-lah peluang aku dapat menyalamatkan diri-ku dari dalam gaung yang berbahaya ini. Mulai-lah ia memungut segala batu2 permata itu di-isi-nya di-dalam sa-buah unchang yang bcsar, kemudian di-ikat-nya sa-keping daging yang besar di-belakang-nya, lalu ia membongkok diri-nya menunggu kalau2 di-sambar oleh burung2 yang besar2 yang datang hendak menyambar daging2 itu.

Tidak berapa lama-nya Sindbad ini menunggu kedatangan burung2 itu maka datang-lah sa-ekor burung yang amat besar, lalu menyambar daging yang terikat di-belakang Sindbad itu dengan kaki-nya, di-bawa-nya terbang kake-munchak gunung itu bersama2 dengan Sindbad. Manakala ia telah hinggap di-sabuah batu bcsar hendak memakan

daging-nya; maka segera-lah Sindbad membuka tali yang mengikat di-badan-nya lalu ia merangkak perlahan2 menyembunyikan diri-nya.

Pada masa itu datang-lah sekalian orang2 gunung itu beramai2 dengan tempek sorak-nya dan gong gundang, riuh dan gemuruh bunyi-nya bagi menakutkan burung itu supaya ia terperanjat lari meninggalkan daging-nya. Manakala di-dengar oleh burung itu ia pun terperanjat lalu segera terbang meninggalkan tempat itu. Sa-telah orang2 itu datang maka Sindbad pun keluar dari tempat sembunyi-nya. Wah! bukan main marah lagi orang2 gunung itu bila melihat Sindbad rasa-nya hendak di-koyak2an isi-nya; kerana mereka sangka ia telah mencuri batu2 permata yang terlekat di-daging itu.

Tetapi sa-telah Sindbad menerangkan kepada mereka dengan mencherita segala kejadian2 yang telah berlaku kepada diri-nya dan ia telah menunjuk batu2 permata yang di-kumpul-nya dari dalam gaung itu, juga ia telah memberi hadiah kepada mereka2 sakalian, maka baharu-lah mereka percaya kepada-nya lalu membawa ia pulang ka-tempat mereka di-jamu-nya dan di-peliharakan-nya.

Beberapa lama-nya Sindbad diam dengan mereka, pada suatu hari mereka telah mengantar ia belayar kembali ka-negeri2-nya. Sindbad telah hidup dengan maamor dan aman sentosa dengan sakalian harta pencharian-nya yang banyak itu di-negeri asal-nya.

SINDBAD BERJUMPA DENGAN KUBOR GAJAH.

Sindbad telah hidup dengan aman, gembira dan maamor di-rumah-nya dengan segala kekayaan yang di-perolehi-nya. Demikian-lah ingatan Sindbad selagai ia maseh hidup. Tetapi pada suatu hari sultan negeri-nya telah menitahkan

memanggil Sindbad ka-istana-nya. Maka ia pun segera-lah pergi mengadap baginda.

Baginda telah meminta Sindbad mengepalai suatu utusan ka-benua Keling, bagi membawa surat dan barang2 hadiah yang mahal2 harga-nya. Oleh itu Sindbad sa-bagai sa-orang yang taad setia kapada raja-nya. Maka ia pun belayar-lah meninggalkan negeri-nya pergi menyeberang lautan menuju ka-benua Keling.

Pelayaran Sindbad kali ini telah selamat sampai di-Benua Keling dan telah mempersembahkan segala utusan raja-nya kapada Raja Benua Keling. Kemudian ia telah menerima pula berbagai2 hadiah daripada barang2 yang berharga belaka sebagai balasan daripada Raja Keling kapada raja-nya.

Tetapi di-dalam pelayaran kembali ka-Baghdad, ia telah di-tawan oleh perompak lanun di-laut lalu di-jual-nya kapada sa-orang saudagar kaya. Maka jadi-lah ia abdi kapada saudagar itu. Ada pun saudagar ini sa-orang yang pengasehan. Sa-telah di-lihat-nya Sindbad pandai memanah, maka di-bawa-nya ia pergi ka-hutan rimba untok memanah gajah.

Orang kaya itu telah memesan kapada Sindbad kata-nya, "Kamu hendak-lah memanjat sa-pohon kayu besar, kemudian tunggu-lah di-situ sa-hingga datang beberapa ekor gajah melalu di-bawah-nya kemudian kamu panah-lah sa-ekor daripada-nya." Maka Sindbad pun berbuat-lah seperti pesanan tuan-nya itu. Tidak berapa lama-nya lalu-lah sa-kawan gajah berhampiran dengan pokok tempat Sindbad bersembunyi, maka segera-lah ia memanah sa-ekor daripada gajah2 itu jatuh mati.

Lepas itu berlari-lah ia pergi memberi tahu kapada tuan-nya, dan datang-lah kawan2 mereka yang lain mengorek lubang bagi menanam bangkai gajah itu; supaya manakala



segala isi2 daging gajah itu telah reput baharu-lah mereka korek sa-mula mengambil gading-nya, untok di-jual. Maka saudagar itu pun tersangat-lah suka-nya melihat Sindbad terlalu pandai memanah itu lalu memuji2 akan Sindbad.

Pada suatu hari datang-lah sa-ekor gajah yang amat besar menuju ka-tempat Sindbad bersembunyi, dengan kuat-nya ia merempoh pokok kayu itu jatuh terbungkar akar-nya dan Sindbad pun jatuh ka-bumi tidak sempat lagi hendak memanah-nya. Tiba2 di-tangkap-nya Sindbad dengan belalai-nya di-letak-nya di-atas belakang-nya lalu di-bawa masuk ka-dalam hutan. Maka tinggal-lah Sindbad di-dalam ketakutan dan hairan melihat perbuatan gajah itu.

Beberapa lama-nya Sindbad menunggang di-belakang gajah itu maka sampai-lah ia di-suatu gaung yang di-keilingi oleh bukit2, maka gajah itu pun berhenti-lah di-situ lalu mengangkat Sindbad dengan belalai-nya dan menchampak masuk ka-dalam gaung itu. Sindbad tidak sedarkan dirinya sa-hingga pada esok-nya manakala ia membuka mata-nya di-dapati ia berada di-gaung harta gaharun, penuh bertimbun2 dengan tulang2 dan gading2 gajah. Kerana sakalian gajah2 yang mati semua-nya pergi ka-tempat itu.

Wah, bukan main lagi suka hati Sindbad mendapat harta gaharun itu, dan faham-lah ia tujuan gajah itu menangkap-nya dan menchampak ia ka-situ. Ia pun segera-lah pulang mendapat akan tuan-nya, dan mencheritakan hal kebijaksanaan gajah itu menjauhkan kawan2-nya daripada di-bunuh oleh mereka. Maka tuan-nya pun amat-lah sukachita lalu segera pergi mengambil sakalian gading2 itu di-jual-nya; dari masa itu Sindbad dan tuan-nya telah menjadi orang yang kaya raya di-negeri itu.

Oleh sebab tuan-nya mendapat harta itu dari jasa2 Sindbad, maka ia pun telah menawarkan hendak memberi apa2 juga permintaan Sindbad, dan Sindbad pun meminta-

lah supaya ia di-merdekakan dan di-benarkan ia belayar kembali ka-negeri-nya. Saudagar yang baik hati itu pun telah memerdekakan ia dan telah menyediakan sa-buah kapal dengan di-isi-nya sa-paroh dari harta yang di-dapati-nya di-beri kapada Sindbad. Maka Sindbad pun belayar-lah pulang ka-negeri-nya.

• Sa-telah Sindbad sampai di-negeri-nya maka pergi-lah ia mengadap Sultan dan mencheritakan segala hal ahwal yang telah berlaku kapada diri-nya. Baginda sangat suka mendengar cherita-nya dan membenarkan Sindbad diam di-negeri-nya sa-bagai sa-orang besar. Maka Sindbad pun diam-lah di-negeri itu dengan segala kekayaan dan hidup aman maamor sa-panjang hayal-nya.

ALADIN DENGAN LAMPU AJAIB.

Pada zaman dahulu ada sa-orang janda miskin dua beranak diam di-pinggir kota, anak-nya itu bernama Aladdin. Kehidupan janda ini tersangat-lah susah umpama ayam chakar pagi makan pagi dan chakar petang makan petang. Kadang2 sa-hari suntok tidak ada benda2 yang di-makan oleh mereka berdua beranak. Sungguh pun demikian tetapi Aladdin ia-lah sa-orang pemuda yang sikap dan lawa lagi bijak, harus satu masa ia akan jadi sa-orang yang berbahagia hidup-nya.

Pada suatu hari sedang Aladdin memikirkan kema-moran hidup sa-tengah2 orang di-kota-nya itu, dan sambil memerhati rumah2 yang chantek2 lagi besar, juga ternampak oleh-nya menara istana sultan negeri itu, nun jauh terletak di-atas sa-keping tanah datar tinggi; maka berkata-lah perlahan2 bagi mengeluarkan kata hati-nya, "Alang-kah chantek-nya istana baginda itu?" Ah! itu tidak chantek, ada lagi benda yang lebeh chantek yang kamu tidak ter-mimpi memandang-nya aku akan tunjokkan kepada-mu." kata suatu suara dari belakang Aladdin.

Aladdin dengan hairan telah memandang ka-belakang, di-lihat-nya ada sa-orang tua sudah berjanggut berdiri di-belakang-nya. "Siapa-kah bapa ini?" tanya Aladdin. "Oh! ya, kamu tidak kenalkan aku, sa-benar-nya aku-lah adck ayah-mu yang telah keluar mengambara beberapa tahun yang lalu. Sekarang mari-lah ikut-ku supaya ku-tunjokkan benda2 yang lebeh ajaib daripada apa2 yang pernah kamu lihat." Kata orang tua itu.

Oleh sebab Aladdin sa-orang yang gemar mengambara, maka berjalan-lah ia mengikut orang tua itu dengan meninggalkan bandar-nya jauh ka-belakang. Beberapa lama-nya sampai-lah mereka di-sabuah lurah, lalu orang tua itu pun berhenti di-situ. Maka Aladdin pun berhenti bersama2 dengan-nya. "Aladdin pergi-lah kamu mengumpul sekalian ranting2 kayu yang kering supaya akan hidupkan api-nya." Kata orang tua itu. Aladdin pun mengumpul-lah sakalian kayu2 kering di-lunggok-nya di-hadapan orang tua itu, maka orang tua itu pun menghidupkan api-nya sambil menaruh kemian di-dalam api itu. Lepas itu ia pun dudok bersila mengadap api sambil menjampi dan menghembus2 ka-dalam asap itu.

Aladdin asik memerhati perbuatan orang tua itu, tiba2 di-lihat-nya api itu naik tinggi merupakan rupa orang, maka puchat-lah muka-nya sebab takut. Dalam masa Aladdin sedang termenong berfikir hendak lari meninggalkan tempat itu, tiba2 tanah di-tempat mereka sedang dudok itu telah berserak dan ternampak kepada Aladdin sa-buah batu bertangkai dengan rantai sa-bagai menutup sa-buah lubang.

"Lihat-lah bagaimana kekuasaan-ku." kata orang tua seher itu. "Sekarang aku mahu membuat satu kerja untuk-ku." Aladdin dengan ketakutan menjawab, "Saya akan mengikut apa2 perintah-mu." Ia telah diperentahkan oleh orang tua seher itu mengangkat tangkai batu itu. Maka makin-lah hairan hati Aladdin manakala batu yang sa-besar itu dapat di-angkat dengan sa-belah tangan sahaja. "Sekarang masok-lah kamu ka-dalam gua itu." Kata orang tua seher itu. "Manakala kamu telah sampai ka-dalam-nya, kamu akan dapati sa-buah pintu masok ka-gua; hendak-lah kamu masok ikut pintu itu hingga kamu melalui beberapa buah dewan yang chantek2, tetapi kamu misti ingat jangan sekali2 kamu belok ka-kiri atau ka-kanan teruskan perjalanan-mu sa-hingga sampai ka-sa-buah dewan yang letak di-hujung sekali, maka dewan itu di-terangi oleh sa-buah



lampu yang sedang menyala terletak di-atas sa-buah meja batu. Ambil-lah lampu itu dan bawa kapada-ku."

Manakala habis sahaja perintah-nya ia pun segera-lah mengeluarkan sa-bentok chinchin di-masokkan ka-jari Aladdin, kata-nya, "Jaga baik2 chinchin ini, kerana ia akan menjaga keselamatan-mu kelak. Aladdin dengan tidak berkata apa2 terus sahaja melakukan apa2 yang di-perintah oleh orang itu. Masok-lah ia ka-dalam gua itu mengikut pesanan orang tua seher itu, di-lihat-nya betul saperti apa yang telah di-cheritakan-nya, ada-lah dewan2 yang besar lagi chantek2 perbiasan-nya lengkap dengan taman2 bunga yang harum lagi indah2 dengan segala jenis buah2an daripada batu2 permata yang mahal2 bergemilang chahaya-nya, merah, hijau, biru dan berbagai2 warna.

Pada akhir-nya Aladdin telah sampai ka-sabwah dewan saperti yang di-katakan oleh orang tua seher itu dan di-lihat-nya betul ada sa-buah lampu burok sedang menyala terletak di-atas sa-buah meja batu marmar. Maka segera-lah di-padam-nya api lampu itu lalu di-ambil-nya dan di-hawa balek ka-kaki gua itu. Di-dalam perjalanan ia balek itu di-ambil-nya beberapa biji buah2 batu permata itu di-simpan-nya di-dalam saku-nya.

"Sudah-kah kamu dapat lampu itu?" tanya orang tua itu. Dari atas gua, manakala ia melihat Aladdin sedang memanjat tebing gua itu. "Beri-lah lampu itu dahulu kapada aku, supaya kamu senang naik." Kata lagi orang tua itu. Manakala di-dengar oleh Aladdin ia pun telah menaruh sangka jahat kapada orang tua itu, fikir-nya, "Ta'guna aku terlampau menaruh perchaya kapada orang dagang ini." Jadi ia pun menjawab, "Tidak, saya tidak mahu beri, tolong-lah beri saya keluar dahulu baharu saya mahu memberi-nya."

Maka terjadi-lah pengtengkaran di-antara mereka ber-

dua, kerana orang tua itu meminta' juga lampu-nya dan Aladdin pula tidak mahu beri kepada-nya. Akhir-nya orang tua seher itu telah pergi sa-mula ka-tempat api-nya lalu menabor kemian dan mulai-lah menjumpai mentera-nya. Maka dengan sa-kejap masa sahaja batu pintu lubang gua itu telah tertutup dengan sendiri-nya, dan tanah² itu pun berjalan menutup sa-mula batu itu hingga nampak saperti sedia kala. Maka tinggal-lah Aladdin sa-orang diri tertutup di-dalam gua ajaib itu.

Aladdin tidak tahu apa yang hendak di-buat-nya di-dalam gua itu, ia telah putus harapan untok keluar lagi; sudah dua hari ia terkurong di-dalam gua itu dengan tidak makan dan minum. Pada hari yang ketiga-nya, sa-telah putus-lah harapan-nya sama sekali yang ia boleh keluar semula ia pun mengangkat tangan-nya menchatum hendak sembahyang menyembah tuhan. Manakala ia menchatum tangan-nya maka tergesel-lah ia kepada chinchin yang di-jari-nya yang di-beri oleh orang di-pintu gua dahulu. Sa-konyong² keluar-lah sa-orang hamba menyembah-nya, maka terperanjat-lah ia melihat hal itu.

"Hamba sedia menurut perintah tuan". Kata abdi itu. Hamba-lah abdi kepada sesiapa yang memakai chinchin ini di-jari-nya." Apabila Aladdin mendengar kata² abdi itu ia pun puleh-lah semangat-nya semula, lalu segera-lah ia berkata, "Bawa-lah aku keluar dari dalam gua ini sekarang juga." Kata Aladdin. Sa-telah habis sahaja kata Aladdin itu, maka dengan se-kelip mata sahaja di-dapati diri nya berada di-tempat bakaran di-muka gua dahulu, dan di-dapati segala-kayu² yang di-bakar dahulu pun masih ada lagi. Wah! bukan main rasa lapang hati Aladdin dengan penoh gembira-nya kerana ia telah terlepas daripada bahaya maut mati terkurong di-dalam gua itu.

Aladdin segera berlari pulang ka-rumah-nya, berjumpa dengan ibu-nya, ibu Aladdin pada masa itu sedang menangis.

mengenangkan anak-nya yang telah hilang beberapa hari dan pada fikiran-nya tidak-lah ada harapan lagi ia hendak bertemu sa-mula dengan anak-nya itu. Manakala di-libat-nya Aladdin berada semula di-muka pintu-nya, Wah! bukan kepalang lagi suka hati-nya segera ia berlari memclok anak-nya itu dengan tangis-nya. Maka Aladdin pun mencheritakan-lah segala hal yang telah berlaku pada diri-nya selama ia meninggalkan rumah-nya. Ibu Aladdin pun mengangkat tangan mengucap shukor kepada Tuhan yang telah menyelamatkan nyawa anak-nya itu.

Pada pagi esok apabila Aladdin bangun dari tidor dan sa-telah siap ia berkemas pakaian-nya, maka bertanya-lah ia kepada ibu-nya kalau2 ada apa2 makanan untok di-makan-nya pada pagi itu. Alang-kah terkejut ia manakala ibu-nya menjawab dengan ayer mata yang berlinang mengatakan tidak ada apa2 pun yang boleh di-makan pada pagi itu.

"Tunggu-lah sa-bentar wahai anak-ku," Kata ibu-nya, "Biar-lah ibu keluar menjual kapas2 yang ibu telah pungut, kemudian dapat-lah ibu membeli makanan untok-mu." "Ta' usah-lah ibu menjual kapas itu," Kata Aladdin, "Jualkan-lah lampu burok ini supaya dapat banyak wang untok membeli makanan kita."

"Baik-lah mari-lah ibu menchuchi dahulu, supaya ia berkilat dan dapat-lah di-jual dengan harga yang lebeh mahal." Kata ibu Aladdin sambil mengambil lampu burok itu dari tangan Aladdin lalu di-gosok-nya. Manakala ibu Aladdin mulai menggosok sahaja lampu itu, sa-konyong2 keluar-lah sa-orang jin tundok di-hadapan-nya. "Apa-kah kehendak tuan?" Tanya jin itu, "Hamba-lah menjadi abdi lampu itu. Maka terperanjat-lah ibu Aladdin terpekon tidak boleh berkata2 lagi. Tetapi Aladdin telah menjawab dengan suara yang terketar2. "Kami lapar, hawa-lah makanan untok kami berdo'a beranak."



"Apa-kah maana-nya kejadian ini?" Kata ibu-nya. ini-kah anugerah dari sultan kepada kita yang miskin ini, kerana ia kasihan melihat-nya?" Kata ibu Aladdin. Aladdin beberapa kali telah menerangkan kepada ibu-nya tentang guna-nya chinchin dan lampu ajaib itu, tetapi ibu-nya telah berkata, "Buang-lah segala benda2 ini wahai anakku! ia akan merosakkan kita berdua." Tidak! tidak! ibu, benda2 ini-lah yang akan memberi tuah kepada kita berdua beranak kelak.

Dalam masa mereka berdua beranak sedang bertengkar2 ini tiba2 di-lihat-nya jin lampu itu telah membawa sa-hidangan makanan yang terlalu enak terlindung di-dalam talam emas, dan berisi di-dalam mangkok dan piring perak, juga pinggan-nya pun emas belaka; maka Aladdin dan ibu-nya pun memakan-lah makanan itu dengan nyaman-nya belum pernah sa-umor hidup mereka memakan makanan yang sa-nyaman itu. Mana2 makanan yang lebeh di-simpan oleh ibu-nya untuk makanan mereka beberapa hari.

Sa-telah makanan2 itu telah habis, maka mulai-lah Aladdin menjual segala pinggan mangkok emas dan perak itu untuk di-beli-nya makanan, dan pakaian-nya. Begitu-lah di-buat-nya beberapa lama-nya habis sakalian barang2 itu habis di-jualkan-nya. Oleh yang demikian sekarang Aladdin tidak lagi memakai baju2 yang bertampong2 bahkan sa-tiap hari bersinar2 dengan pakaian yang baharu dan chantek sa-bagai anak2 saudagar.

Pada suatu masa sedang Aladdin berjalan2 berhampiran dengan istana Sultan, maka ternampak-lah oleh-nya puteri Sultan yang chantek manis sedang menyerenggoh di-tingkap istana-nya "Amboi, chantek benar rupa-nya puteri Sultan ini, alang-kah bagus-nya kalau ia dapat menjadi isteri-ku." Kata Aladdin di-dalam hati-nya. Maka pada malam-nya Aladdin telah pergi berjumpa dengan ibu-nya dan menerangkan kepada-nya yang ia berhajat hendak berkhawin dengan

pueri Sultan. Kata-nya, "Pergi-lah ibu-ku meminang kapada Sultan. "Apa! engkau hendak minta' aku pergi mengadap kapada Sultan, tidak, tidak, tidak sekali2; Kata ibu-nya. "Kalau ibu tidak mahu pergi meminang kapada Sultan biar-lah saya mati." Jawab Aladdin.

Sa-telah Aladdin bersungguh2 meminta' kapada ibu-nya, maka ibu-nya pun dengan mengeluarkan ayer mata kerana kasehkan anak-nya ia-pun mengaku-lah kata-nya, "Baik-lah wahai anak-ku, ibu-mu akan pergi, tetapi sa-sa-orang yang meminta' sa-satu benda kapada orang lain itu biasa-nya di-sertakan dengan hadiah2. Sekarang apa-kah hadiah yang ibu-mu akan persembahkan kapada baginda.

Aladdin telah teringat kapada batu permata yang telah di-pungut-nya dari taman bunga di-dalam gua dahulu. Maka segera-lah ia pergi mengambil-nya karong batu itu lalu di-churahkan-nya di-hadapan ibu-nya. Ibu Aladdin terche-ngang melihat batu2 permata itu bersinar2 cahaya-nya, yang belum pernah ia melihat sa-umur hidup-nya. Sinar2 batu itu hampir membutakan mata orang tua miskin itu.

"Ini-lah hadiah yang paling berharga kapada Sultan," Kata Aladdin. "Bawa-lah hadiah ini persembahkan kapada baginda. Anakanda perchaya apa sahaja yang bonda pinta' baginda akan memberinya." Maka ibu Aladdin dengan bengong-nya mengisi batu2 permata itu di-dalam sa-buah bakul lalu turun menuju ka-istana Sultan.

Pada masa orang tua itu datang di-balai rong, di-lihat-nya baginda sedang bersemayam di-singgahsana kerajaan dan di-hadapi oleh sakalian orang besar2 dan pegawai kerajaan, Perdana Menteri dudok di-kiri baginda. Manakala orang tua miskin masok mengadap maka baginda pun bersabda, "Apa-kah maksud wahai orang tua yang berbahasa datang mengadap?" Jawab orang tua itu, "Ampun tuan-ku beribu2 ampun, mohon lah patek mempersembahkan maksud

patek di-hadapan khalayak yang banyak ini, lamun ada limpah kurnia tuan-ku, patek meminta' hendak mempersembahkan kapada tuan-ku sa-orang sahaja.

Maka baginda bertitah kapada sakalian orang2 yang hadzir itu berundur diri buat sementara, beginda hendak berchakap dengan orang tua itu. Perdana Menteri baginda sa-orang sahaja sedang dudok berhampiran dengan baginda. Maka baginda pun mengadap muka-nya kapada orang tua itu lalu bersabda, "Sekarang chuba-lah kamu cheritakan kapada beta apa-kah maksud-nya yang sa-benar-nya." "Mohon di-ampun tuan-ku patek sangat-lah berasa takut, hendak mencheritakan kalau2 di-murkai oleh tuan-ku dan di-kurongkan patek sahingga mati." Kata orang tua miskin itu dengan tangis-nya. "Ah, tidak, pada masa ini beta ampunkan segala apa kata-mu; asalkan kamu berkata dengan berterus terang kapada-ku." Sabda Sultan.

Sa-telah itu orang tua itu pun bercherita-lah hal anak-nya Aladdin yang telah jatuh cinta kapada puteri baginda dan meminta' ia pinangkan kapada baginda sendiri. Orang tua itu dengan suara terketar2 telah berkata, "Tuan-ku inilah hadiah persembahan dari anak patek itu kapada tuan-ku mudah2an dengan limpah kurnia tuan-ku dapat-lah menyempurnakan maksud anak patek itu, tuan-ku." Lalu ia membuka bakul-nya yang berisi penuh dengan batu2 permata yang belum pernah di-libat oleh baginda.

Wah! terperanjat besar baginda melihat batu2 permata yang bergemerlapan itu, lalu ia berkata kapada Perdana Menteri-nya, "Apa-kah fikiran menteri-ku, ada-kah hadiah ini sapatut-nya dengan pinangan anak kita?" Dan sudah layak-kah orang yang dapat memberi hadiah bagini menjadi menentu beta? Oleh sebab Menteri itu telah berchadang supaya tuan puteri di-khawinkan dengan anak-nya, maka ia pun datang hampir kapada baginda lalu membisekkan ka-telinga baginda, "Tuan-ku, pada fikiran patek biar-lah

dahulu kita siasat ada-kah sa-benar-nya ia berketurunan orang baik?" Maka baginda pun menganggokkan kepala-nya bersetuju dengan fikiran Menteri-nya itu.

Baginda bersabda kepada perempuan tua itu, "Wahai orang tua yang berbudi, sabar-lah dahulu beta hendak siasat dan bermuafakat dahulu, dan lagi beritahu-lah kepada anak-mu, ia boleh berkhawin dengan puteri-ku jikalau ia dapat mengadakan empat puluh dulang emas yang berisi penuh dengan batu2 permata seperti yang kamu telah persembahkan kepada beta itu. Ini-lah jadi peminang-nya, sekarang pulang-lah kamu memberi tahu kepada anak-mu itu."

Manakala orang tua sampai di-rumah ia pun menceritakan kepada Aladdin dengan tangis-nya, kerana fikir-nya tentu-lah Aladdin tidak dapat mengadakan-nya seperti kehendak baginda itu. Tetapi Aladdin tidak putus harap, "Agak-nya barangkali jin lampu ajaib ini akan dapat menolong aku" Fikir Aladdin. Lalu di-ambil-nya lampu-nya dan di-gosok-nya. Kemudian keluar-lah jin lampu itu bertelut menyembah, "Apa-kah kehendak tuan, saya akan sempurnakan." Aladdin telah memerintahkan jin itu mengadakan empat puluh orang dayang2 dan tiap2 sa-orang hendak-lah membawa sa-buah dulang emas yang berisi dengan batu2 permata. Dengan sa-clip mata sahaja terdiri orang seperti kehendak Aladdin itu.

"Bonda, ini-lah seperti kehendak baginda." Kata Aladdin. "Sekarang pergi-lah bonda kembali ka-istana mempersembahkan kepada baginda, bersama2 dengan hadiah2 ini." Sultan terchengang dengan hairan-nya melihat hadiah yang di-bawa oleh orang tua itu, lalu baginda bersabda, "Pergi-lah wahai raayat-ku yang setia segera memberi tahu kepada anak-mu, bahawa beta menerima pinangan-nya, dan beta sedia menunggu kedatangan-nya bagi di-khawinkan dengan puteri beta, bila2 masa juga yang di-kehendaki." Kali ini baginda tidak mahu lagi mendengar besekan



Menteri-nya.

Aladdin menerima perkhabaran baik itu dari ibu-nya dengan penuh kegembiraan dan mengucap berbanyak2 terima kasih kepada ibu-nya yang di-sayangi. Segera-lah ia mengosok pula lampu-nya meminta kepada jin itu selengkap pakaian anak raja yang besar2 serta dengan sa-ekor kuda. Maka sa-saat itu juga di-lihat-nya ia telah berpakaian yang terlalu indah2 lagi bersikap seperti anak2 raja yang besar kerajaan-nya. Dan di-lihat-nya di-halaman rumah-nya siap menunggu sa-ekor kuda yang amat sikap lagi berhias dengan pelana yang bertatah ratna mutu manikam.

Dengan penuh kegembiraan, Aladdin telah menunggang kuda itu dengan hati yang gerang dan bersemangat linggi berjalan menuju ka-istana baginda. Sultan tersangat-lah gembira-nya melihat bakal menantu-nya datang seperti anak2 raja dengan sikap-nya paras-nya yang elok, lalu di-sambut-nya dengan penuh kehormatan. Demikian pula tuan puteri yang sedang mengintai dari mahligai-nya, manakala ia melihat wajah Aladdin, dengan serta merta terlekat hati-nya dan terus bersatuju dengan pinangan itu.

Maka baginda pun mulai-lah merunding segala adat2, istiadat perkahwin dan menetapkan hari-nya juga memberi tahu kepada raayat seluruh negeri baginda. "Aladdin, di-sana ada sakeping tanah tinggi, beta fikir di-situ-lah anak-anda mendirikan istana anakanda kelak bagi tempat kediaman anakanda berdua sa-telah berkahwin." Sabda baginda.

Aladdin telah pulang ka-rumah-nya dan memanggil jin lampu itu lagi kata-nya, "Dirikan-lah sa-buah istana dari batu2 yang berchahaya di-hadapan istana baginda." Baik-lah tuan" Jawab jin itu. Maka sa-malam2an itu berkerjalah sakalian2 jin bagi mendirikan istana itu hingga siap, tinggi bertingkat2 ka-awan dan segala tembok-nya di-buat-

nya dari batu2 yang berchahaya bersinar2, maka segala alatan dan perkakas rumah itu dari emas yang bertatabkan mutiara yang mahal2 harga-nya.

Manakala baginda bangun dari tidor-nya pada pagi2 itu, di-lihat-nya dari tingkap anjong-nya sa-buah istana telah terdiri dengan indah-nya bersinar2 di-sinari oleh chahaya matahari. "Baik sungguh nasib puteri-ku bersuamikan sa-orang kesaktian." Fikir baginda. Maka Aladdin pun berkhawin-lah dengan tuan puteri dengan suatu istiadat yang paling besar di-dalam negeri saperti perkhawinan raja2 yang besar. Dan hidup-lah mereka berdua laki isteri dengan seronok suka dan aman damai di-sapanjang masa.

Beberapa lama-nya kedua2 pengantin ini hidup dengan gembira di-istana kesaktian itu, maka kesenangan mereka ini telah bertukar pula dengan menderita, yaitu manakala perkhabaran perkhawinan dan kesaktian Aladdin ini telah terdengar kapada orang tua seher dahulu, tambahan pula ia mendapat tahu Aladdin telah berkhawin dengan puteri raja maka makin-lah bertambah2 marah-nya kapada Aladdin dan hairan ia memikirkan betapa kcsaktian lampu yang di-suroh-nya Aladdin mengambil di-gua dahulu itu.

Maka orang tua seher itu pun datang-lah ka-negeri Aladdin di-lihat-nya sa-benar saperti perkhabaran yang ia dengar dahulu, maka bertambah2 sakit hati-lah ia kapada Aladdin. Fikir-nya "Baik-lah aku chuba menyamarkan diri-ku saperti orang tua menjual lampu supaya dapat aku mengambil lampu ajaib dari tuan puteri. Maka pergi-lah ia membeli bebcrapa buah lampu2 yang baharu lalu di-jaja-nya di-sapanjang jalan di-bandar itu, sambil berteriak2, Tukar-lah lampu2 tuan yang lama dengan lampu2 baharu ini!" Demikian-lah di-buat-nya sabingga sampai-lah ia di-halaman istana puteri.

Pada masa itu puteri sedang berchakap2 di-anjong

istana-nya dengan inang-nya, mereka terlawar mendengar kata orang tua itu. "Agak-nya orang tua ini telah hilang akal" Kata tuan puteri kepada inang-nya sambil ketawa. Dalam pada itu ia telah teringat ada sa-buah lampu yang Aladdin menyuruh ia simpan di-dalam sa-buah almari. "Pergi-lah Mak Inang mengambil lampu burok yang di-dalam almari kita dan tukarkan-lah dengan lampu baharu orang tua gila itu." Kata tuan puteri kepada inang-nya.

Tersangat-lah sukachita orang tua itu manakala melihat lampu ajaib itu di-bawa oleh Mak Inang lalu segera-lah di-tukar-nya dengan sa-buah lampu baharu. Sa-telah itu segera-lah ia lari pergi ka-sa-buah lorong yang sunyi dan mengosok lampu itu. Maka keluar-lah jin lampu itu terdiri di-hadapan-nya lalu berkata, "Hamba sedia menurut perintah tuan."

"Aku perentahkan kamu membawa istana Aladdin beserta dengan segala isi-nya pindah ka-Benua Afrika." Kata orang tua seher itu. Sa-telah habis sahaja kata-nya maka istana Aladdin pun hilang ghaib dari hadapan istana Sultan negeri itu. Manakala di-lihat oleh baginda yang istana puteri-nya telah hilang tinggal bekas sahaja, maka bertempak-lah ia dengan marah-nya kerana baginda terlalu sedeh dan runsing memikirkan ka-mana-kah pergi-nya puteri-nya yang di-kasehi itu. "Ya, Allah! anak-ku telah hilang, di-mana-kah si-pengkhianat yang telah berkhawin dengan anak-ku itu? Bawa-lah segera ia ka-sini supaya ku-pengal kan kepala-nya." "Ampun tuan-ku ia telah pergi berburu ka-hutan sudah tiga hari belum pulang lagi." Sembah sa-orang daripada hamba-nya.

"Perintahkan-lah empat puluh orang hulubalang yang gagah pergi menangkap ia dan bawa ka-mari ka-hadapan-ku." Titah baginda kepada Menteri-nya. Maka hulubalang yang empat puluh orang itu pun pergi-lah segera menuju ka-hutan dan menangkap Aladdin lalu di-bawa-nya mengadap

kapada baginda. Aladdin dengan terperanjat telah berkata, "Apa-kah kesalahan anakanda, maka tuan-ku perbuatkan demikian?" Di-mana-kah puteri-ku." Sabda baginda, "Dan di-mana-kah pergi-nya istana yang engkau telah dirikan untuk-nya?" Aladdin bangun menjengok di-tingkap istana Alang-kah terperanjat-nya manakala di-lihat-nya istana itu telah ghaib, maka terpekun ia sejurus tidak dapat berkata2 dengan puchat lesi muka-nya.

"Tuan-ku," Sembah Aladdin, "Sabenuar-nya istana itu telah ghaib tetapi bukan-lah perbuatan hamba, sekarang benarkan-lah hamba pergi menchari-nya barang empat puluh hari. Sa-telah itu kalau tidak juga patek berjumpa, maka sila-lah tuan-ku bunoh patek." Pada akhir-nya baginda pun bersatuju-lah dengan permintaan Aladdin itu dan Aladdin pun berjalan-lah keluar istana pergi menchari tuan puteri. Beberapa hari lama-nya Aladdin berjalan menempoh bandar, kampung, bukit hutan dan segala2-nya; tidak-lah juga ia mendengar apa2 juga cherita berkenaan dengan istana-nya itu.

Pada suatu masa Aladdin sedang berjalan2 di-tebing sa-buah sungai sambil membiarkan hal nasib-nya telah hampir janji-nya dengan baginda itu; tiba ia terkelin chir bendak jatuh ka-dalam sungai, nasib baik ia dapat menyambar sa-pohon kayu besar di-tebing sungai itu, dan chinchin di-jari-nya pun telah tegesil dengan batang pokok itu. Tiba2 keluar abdi chinchin itu di-hadapan Aladdin lalu berkata, "Hamba sedia menjalankan perintah".

Manakala Aladdin melihat abdi itu, maka puleh-lah sa-mula semangat-nya, sambil menampar2 kepala-nya, "Wah bodoh betul aku ini, mengapa-kah aku telah terlupa kapada engkau? Selamat datang wahai abdi." Kata Aladdin. "Sekarang bendak-lah engkau memindahkan semula istana-ku dengan segala isi-nya kembali ka-tempat asal-nya." "Ampun tuan-ku tidak ada upaya hamba berbuat demikian,



perintah-lah jin chinchin itu kerana ia-lah sahaja yang dapat memindahkan-nya. "Baik-lah, jawab Aladdin. Kalau demikian hawa-lah ku pergi ka-istana itu dan letakkan-lah aku di-nawah tingkap bilek tuan puteri. Sa-telah habis sahaja ia berkata2 itu di-dapati diri-nya betul2 berada di-bawah tingkap bilek tuan puteri di-istana-nya dahulu. Aladdin telah menyeru tuan puteri dan tuan puteri pun membuka tingkap-nya. Manakala di-lihat-nya Aladdin telah datang, maka pulch-lah sa-mula segala kesusahan-nya, lalu ia pun menyuruh Aladdin masuk mengikut pintu rahsia dan bersukaan2-lah mereka berdua di-dalam istana itu.

Mereka telah menchari jalan bagaimana hendak mengambil balek lampu ajaib daripada orang tua seher itu: akhir-nya Aladdin telah dapat suatu jalan yaitu pada esok-nya, ia telah pergi ka-bandar membeli ubat tidor untuk di-buboh oleh tuan puteri ka-dalam minuman si-tua itu, kemudian manakala ia telah meminum-nya ia pun telah lelap tidor dengan tidak sedar lagi diri-nya saperti mati. Maka tuan puteri pun segera-lah menchari balek lampu ajaib itu dari dalam sakusi-tua itu di-beri-nya kepada Aladdin.

Aladdin menerima lampu itu dengan penuh genbira-nya lalu segera memerintah jin lampu itu membawa sa-mula istana dan segala isi2-nya kembali sa-mula ka-tempat asalnya. Melainkan tinggal si-tua itu lena di-bawah sa-pohon kayu di-situ. Sultan terlalu sekali sukachita-nya manakala puteri-nya telah berada dengan selamat berserta dengan istana sekali. Baginda telah bersabda kepada Aladdin, "Anakanda, ampun-lah dosa ayahanda kerana kekasaran ayahanda terhadap anakanda dahulu, sekarang dapat-lah kita hidup dengan selamat aman sentosa, sa panjang hayat kita.

Perkataan baginda sa-benar-nya telah berlaku kerana dari semenjak itu tidak-lah ada apa2 gangguan dari orang tua seher itu, jadi Aladdin telah hidup dengan aman maamor kasch sayang anak beranak ada-nya.